



**PEMILIKAN MODAL SOSIAL IKATAN DALAM KALANGAN CINA MUSLIM
KELANTAN**

**[BONDING SOCIAL CAPITAL POSESSION AMONG KELANTAN CHINESE
MUSLIM]**

^{*1}Adi Syahid M.A & ²W.A Amir Zal

¹Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400
Parit Raja, Johor Darul Ta'zim

²Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Locked
Bag 01, 16300 Bachok, Kelantan Darul Naim

*Corresponding author: adisayahid@gmail.com

Received: 28 January 2018 Accepted: 15 May 2018

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan kepada pemilikan modal sosial ikatan dalam kalangan Cina Muslim Kelantan. Komuniti Cina Muslim diperhatikan mempunyai konflik dalam modal sosial ikatan mereka. Modal sosial ikatan ialah hubungan komuniti Cina Muslim dengan ahli keluarga mereka yang tidak beragama Islam. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kajian gabungan penjelasan berikutan yang melibatkan komuniti Cina Muslim iaitu seramai 75 orang dalam kajian kuantitatif dan lima orang dalam kajian kualitatif. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan mudah dan bola salji. Data kajian dikumpulkan menggunakan borang soal selidik dan temu bual semi berstruktur. Hasil kajian menunjukkan pemilikan modal sosial ikatan berada pada tahap akrab sebelum memeluk agama Islam dan berubah kepada sederhana akrab selepas memeluk agama Islam. Ini menunjukkan komuniti Cina Muslim mempunyai konflik dalam modal sosial ikatan mereka. Hasil kajian turut mengesahkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pemilikan modal sosial ikatan sebelum dan selepas memeluk agama Islam dan tidak terdapat perbezaan signifikan pemilikan modal sosial ikatan berdasarkan tempoh memeluk agama Islam. Sementara itu, data kualitatif mengesahkan perbezaan modal sosial ikatan Cina Muslim, selanjutnya data kualitatif menerangkan bahawa perbezaan dalam modal sosial ikatan tidak disebabkan oleh konflik selepas memeluk agama Islam tetapi disebabkan oleh perbezaan amalan dan kepercayaan, yang telah memberi kesan secara signifikan kepada modal sosial ikatan mereka. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kapasiti harus dilaksanakan supaya perbezaan agama tidak menjadi penghalang kepada hubungan yang sihat dan berterusan antara Cina Muslim dan ahli keluarga mereka yang tidak memeluk agama Islam.

Keywords: Modal sosial, modal sosial ikatan, komuniti Cina Muslim, keupayaan, pemilikan

ABSTRACT

This paper focuses on bonding social capital possession among Chinese Muslims in Kelantan. Chinese Muslim community seems to have conflicts in their bonding social capital. Bonding social capital in this paper can be defined as the relationships that the Chinese Muslim community have with their non-Muslim family members. This research was carried out using the sequential explanatory mixed method design involving the Kelantan Chinese Muslim community with 75 respondents selected for quantitative and 5 respondents for qualitative research methods. The sampling methods adopted were convenient and snowball samplings. The research data were collected using questionnaires and semi structured interviews. The findings show that bonding social capital was at intimate level before converting to Islam and changed to moderately intimate after they had converted to Islam. This may indicate that Chinese Muslim community in this study had conflicts in their bonding social capital. The findings also have confirmed that there are significant differences between social capital possession before and after converting to Islam and no significant differences for the bonding social capital possession based on the period they convert to Islam. While qualitative data affirm the differences in Chinese Muslim bonding social capital, the data further explain that the bonding social capital possession was changed not due to conflict after conversion but because of the differences in practices and beliefs, which had significantly impact their bonding social capital. Thus, effort to enhance bonding social capital capacity must be done so that differences between religions will not become an obstacle to a healthy and continuous relationship between Chinese Muslim and their non-Muslim family members.

Keywords: Social capital, Bonding social capital, Chinese Muslim community, capacity, possession

Cite as: Adi Syahid M.A & W.A Amir Zal. (2018). Pemilikan modal sosial ikatan dalam kalangan Cina Muslim Kelantan [Bonding social capital possession among Kelantan Chinese Muslim]. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 19-29. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp19-29>

1.0 PENGENALAN

Cina Muslim merupakan etnik Cina yang lahir dan membesar di Malaysia dan menukarkan agama mereka kepada agama Islam pada satu titik dalam kehidupan mereka (Joy, 2005). Komuniti ini merupakan komuniti yang terbesar melakukan konversi kepada agama Islam di Malaysia (Abdullah & Muhamad Shukri, 2008). Walaupun begitu, konversi agama telah menyebabkan mereka berhadapan dengan konflik hubungan yang mengubah realiti hubungan sosial mereka terutamanya dengan keluarga asal yang bukan beragama Islam.

Dalam disiplin pembangunan komuniti, konflik hubungan menjejaskan salah satu potensi komuniti iaitu modal sosial. Modal sosial merujuk kepada jaringan dan perhubungan yang dimiliki oleh komuniti (Philips & Pittman, 2009). Antara kepercayaan disiplin pembangunan komuniti ialah jaringan dan hubungan tersebut dapat digunakan untuk mengubah komuniti bagi mencapai sesuatu pembangunan komuniti (Agnitsch, Flora, & Ryan, 2006). Modal sosial dapat berfungsi apabila wujud sumber sosial daripada hubungan dengan rakan, kenalan dan jaringan individu atau hubungan yang diinstitusikan disebabkan saling mengenali dan mengiktiraf untuk mendapatkan sesuatu manfaat (Bourdieu & Wacquant, 1992). Oleh itu, pemilikan dan perubahan yang berlaku pada modal sosial memberi kesan kepada kelompok itu sendiri dan juga kelompok yang lain.

Salah satu modal sosial yang terjejas ekoran konflik hubungan selepas konversi agama dalam kalangan Cina Muslim ialah modal sosial ikatan. Modal sosial ikatan dapat difahami sebagai hubungan antara individu dalam komuniti yang bersifat homogen seperti kawan rapat, keluarga, kumpulan sosial, jiran dan etnik (Putnam, 2000; Vyncke et al., 2012). Selain bersifat

homogen, modal sosial ikatan juga dikenali sebagai jaringan sosial yang kuat (Hofer & Aubert, 2013). Dalam pandangan lain Amir Zal (2014) menyatakan ikatan hubungan tersebut bukan sahaja kepada kelompok homogen yang dikenali sahaja tetapi individu atau kumpulan yang diiktiraf yang mempunyai nilai, sifat, kepentingan dan matlamat yang hampir sama berasaskan norma dan budaya lazim. Maka modal sosial ikatan merujuk kepada hubungan yang pelbagai seperti keluarga, kawan rapat, jiran, persamaan sosio ekonomi, individu sedia dikenali dan mereka mempunyai kesamaan yang kuat serta hubungan yang diiktiraf berdasarkan nilai, sifat dan kepentingan yang sama. Salah satu petunjuk kepada modal sosial ikatan ialah keakraban sosial kerana modal sosial ini berlaku dalam satu rangkaian sosial yang akrab. Justeru, penggunaan dan pemilikan modal sosial ikatan berlaku dengan baik apabila wujudnya keakraban dalaman yang tinggi (Woolcock, 2002). Keakraban yang ada dalam hubungan tersebut meningkatkan solidariti dalam kalangan ahli komuniti serta mewujudkan sokongan emosi dan berfungsi secara berterusan kepada ahli komuniti (Schmid, 2000). Keakraban yang tinggi juga mewujudkan perasaan kejeleketan antara ahli komuniti sehingga merasakan komuniti sebagai rumah sendiri, perasaan diterima dan rasa dipunyai oleh ahli komuniti (Dale & Sparkes, 2008).

Selain itu, menurut Perkins, Hughey, dan Speer (2002) modal sosial ikatan juga perlu mempunyai norma timbal balik dan percaya dengan jaringan sosial mereka. Sikap percaya dalam modal sosial ikatan juga terbentuk melalui interaksi yang telah sedia terbentuk dalam komuniti (Payne, 2006). Menurut Fukuyama (2002) sikap percaya merupakan suatu pengharapan yang wujud dalam sebuah komuniti yang mempunyai tingkah laku normal, jujur, bekerjasama berdasarkan norma-norma yang dimiliki bersama. Sementara timbal balik ialah kepada perilaku yang terhasil daripada hubungan dalam bentuk saling memberi, saling menerima dan saling bantu-membantu.

Peranan modal sosial ikatan dalam komuniti ialah untuk pembentukan identiti secara bersama, membangunkan timbal balik dalam komuniti, meningkatkan keakraban, sokongan sosial dan bantuan ketika krisis (Gittell & Vidal, 1998). Di samping itu, modal sosial ikatan juga berkesan menggerakkan individu dan sumber untuk tujuan bersama (Grant, 2001). Modal sosial ikatan juga berperanan mengikat golongan muda dan tua dalam komuniti mereka dengan menyediakan satu rangka kerja tentang bagaimana orang muda dan dewasa boleh bersama-sama mewujudkan tindakan kolektif (Krasny et al., 2015). Menurut Williams (2006) modal sosial ini juga berperanan memberi sokongan emosi, memberi akses kepada sumber yang terhad, memupuk perpaduan, dan keluar daripada konflik permusuhan. Selain itu, berperanan untuk menyokong ahli komuniti, meningkatkan sokongan psikologi, menjamin keselamatan, kesihatan yang baik dan dapat menempatkan diri dengan baik dalam komuniti (Schmid, 2000; Mladovsky & Mossialos, 2008; Bowen, 2009). Jelas menunjukkan bahawa modal sosial ikatan mempunyai banyak peranan berdasarkan keperluan ahli komuniti melalui potensi kepercayaan, timbal balik dan keakraban yang mana manfaat tersebut diperoleh tanpa ada sebarang pertikaian ke atas keperluan tersebut.

2.0 ISU MODAL SOSIAL IKATAN CINA MUSLIM

Bagi komuniti Cina Muslim tidak terdapat satu perbincangan khusus mengenai modal sosial ikatan mereka terutamanya dalam aspek hubungan dengan keluarga asal yang bukan beragama Islam. Walaupun begitu, terdapat kajian-kajian yang menyentuh persoalan hubungan mereka dengan keluarga asal secara umum. Terdapat pelbagai masalah hubungan yang diperhatikan menjejaskan modal sosial secara umum. Antaranya konversi agama telah menyebabkan mereka telah dipandang negatif dan dibuang oleh keluarga asal yang bukan muslim kerana dianggap

mahu menjadi Melayu (Kasimin, 1985; Abdullah, 2005; Abdullah & Abdullah, 2004; Ismail & Wan Ahmad, 2009). Selain itu, mereka turut dipulau dan disindir oleh keluarga asal mereka, tidak dibenarkan pulang ke rumah serta putus hubungan kekeluargaan (Abdullah & Abdullah, 2004; Abdullah & Muhamad Shukri, 2008; Abdullah & Md Sham, 2009; Sintang et al., 2013; Guleng et al., 2014). Bagi pasangan yang telah berkahwin pula mereka terpaksa menceraikan isteri atau berpisah dengan suami yang masih belum memeluk Islam (Abdullah & Abdullah, 2004) dan menghadapi konflik hak penjagaan anak (Abdullah, 2005). Selain itu, ada dalam kalangan mereka yang dinafikan daripada mewarisi perniagaan dan harta pusaka keluarga (Abdullah, 2005). Konflik antara keluarga juga berlaku ekoran timbul salah tanggapan keluarga terhadap niat memeluk Islam sehingga mereka menganggap komuniti Cina Muslim mengkhianati asal-usul, keturunan, budaya, warisan dan agama nenek moyang mereka serta dianggap menjadi Melayu (Che Ku Abdul Satar, 2004; Guleng et al., 2014). Manakala yang lebih ekstrem, ada dalam kalangan Cina Muslim yang diancam bunuh (Abdullah, 2005). Ini menunjukkan pemilikan modal sosial dalam aspek keakraban telah terjejas ekoran pengislaman mereka. Namun dalam pandangan lain, ahli keluarga Cina menerima pengislaman Cina Muslim setelah melalui beberapa tempoh masa yang tertentu (Abdullah, 1997; Ismail & Wan Ahmad, 2009). Walaubagaimanapun, kajian mengenai modal sosial ikatan per se adalah terhad diperhatikan dalam kalangan Cina Muslim kerana kebanyakan menunjukkan realiti konflik hubungan yang menunjukkan pemilikan keakraban modal sosial secara umum. Ini memberi persoalan tentang bagaimana realiti pemilikan modal sosial ikatan dalam kalangan Cina Muslim.

Justeru, untuk menjawab persoalan tersebut artikel ini menggariskan dua objektif, iaitu untuk menjelaskan pemilikan modal sosial ikatan Cina Muslim dan menganalisis perbezaan pemilikan modal sosial ikatan sebelum dan selepas memeluk agama Islam dan tempoh memeluk agama Islam dijadikan variabel kawalan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian gabungan dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Ini kerana penyelidik ingin menjawab objektif kajian dengan lebih baik. Menurut Creswell dan Clark (2006) maklumat dapat diperoleh dengan lebih jelas, tepat dan dapat memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding satu kaedah sahaja. Selain, dapat mengatasi limitasi-limitasi yang terdapat dalam kedua-dua kaedah tersebut. Ini selari dengan McMillan (2012) yang menyatakan limitasi-limitasi tertentu dalam pendekatan kuantitatif dan kualitatif menjadikan kaedah gabungan sebagai pendekatan terbaik untuk menjawab persoalan kajian. Kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dan kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual. Gabungan kaedah ini diselesaikan satu per satu iaitu dengan melaksanakan kajian tinjauan terlebih dahulu dan diikuti dengan temu bual. Kajian kualitatif bertujuan mengukuhkan hasil kajian kuantitatif. Pendekatan ini dinamakan reka bentuk kajian gabungan penjelasan berikutan (*sequential explanatory design*). Sampel kajian dipilih menggunakan pendekatan kebetulan dan bola salji. Ini kerana penyelidik tidak memperoleh kerangka pensampelan yang konkrit daripada pihak berautoriti walaupun telah berusaha dengan pelbagai cara untuk mendapatkannya. Pensampelan secara kebetulan diaplikasikan dengan memilih sampel kajian daripada program-program anjuran Persatuan Cina Muslim (MACMA) dan kelas-kelas anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Melalui sampel yang dipilih penyelidik mengaplikasi kaedah bola

salji untuk mendapatkan sampel kajian yang lain. Melalui proses tersebut penyelidik memperoleh 75 orang responden kajian. Manakala informan bagi temu bual dipilih daripada responden tersebut dan 5 orang telah terlibat sebagai informan kajian.

Data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik dan temu bual berstruktur untuk mengukur pemilikan modal sosial. Terdapat dua elemen yang mengukur pemilikan modal sosial iaitu keakraban dan kekerapan berhubung. Keakraban merujuk kepada sejauh mana akrab responden dengan modal sosial ikatan yang dioperasionalkan sebagai ibu, ayah, adik beradik, pasangan suami atau isteri dan saudara mara. Manakala kekerapan berhubung diukur sejauh mana kerap responden berhubung dengan modal sosial ikatan tersebut. Data kualitatif diperoleh melalui temu bual berstruktur yang mana protokol temu bual dibentuk berasaskan hasil kajian kuantitatif.

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS yang melibatkan dua jenis statistik iaitu deskriptif dan interen. Analisis statistik digunakan untuk memaparkan data secara deskriptif dalam bentuk min dan peratus. Manakala statistik interen menggunakan Ujian ANCOVA. Hasil kajian kualitatif pula dianalisis menggunakan kaedah open coding, clustering, category dan thematic secara manual. Penyertaan responden dalam kajian ini adalah sukarela dan tidak melibatkan paksaan, selain itu kerahsiaan responden dalam kajian akan dipastikan kerahsiaannya, responden boleh membantah jika tidak bersetuju dengan soal selidik dan temu bual yang ditanya, identiti mereka tidak didedahkan dalam kajian.

4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pemilikan Modal Sosial Ikatan

Hasil kajian dipamerkan berasaskan objektif kajian iaitu pemilikan modal sosial ikatan, namun mempunyai dua perincian dalam dua aspek iaitu keakraban dan kekerapan berhubung responden dengan modal sosial ikatan yang diukur sebelum dan selepas responden memeluk agama Islam. Selain itu, hasil kajian juga dikukuhkan dengan hasil kajian kualitatif. Modal sosial ikatan merujuk kepada hubungan dengan individu yang akrab iaitu ahli keluarga yang terdiri daripada ayah, ibu, adik-beradik, suami atau isteri, dan saudara mara. Jadual 1 menunjukkan hasil kajian pemilikan dan kekerapan berhubung modal sosial ikatan sebelum dan selepas responden memeluk agama Islam. Bagi pemilikan modal sosial ikatan sebelum responden memeluk agama Islam, secara keseluruhan menunjukkan mereka akrab (3.5). Modal sosial ikatan yang akrab dengan responden ialah ibu (4.0), adik-beradik (4.0), ayah (3.9) dan saudara mara (3.9). Selain itu, terdapat juga modal sosial ikatan yang tidak akrab, iaitu suami atau isteri responden. Berkenaan dengan kekerapan berhubung pula, secara keseluruhan responden kerap (3.5) berhubung dengan modal sosial ikatan sebelum memeluk agama Islam. Di mana responden kerap berhubung dengan ibu (4.0), adik-beradik (4.0), ayah (3.9) dan saudara mara (3.5). Sementara itu, bagi suami atau isteri responden, kadang-kadang (2.3) sahaja mereka berhubung. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa responden akrab dengan keluarga mereka sebelum memeluk agama Islam. Manakala hasil kajian kualitatif pula menunjukkan:

Dulu sebelum memeluk Islam selalu keluar sekali. sentiasa bersama. Keluar makan....tetapi selepas memeluk Islam jadi susah dah. Nak keluar sekali macam mana.....nak makan macam mana. (Informan 1)

Wakil informan menjelaskan bahawa komuniti Cina akrab dengan keluarga dan dapat diperhatikan melalui kebersamaan mereka dalam melakukan aktiviti seperti makan bersama. Keakraban komuniti Cina sebelum memeluk Islam ini selari dengan amalan keluarga Cina yang sememangnya mengamalkan keluarga conjugal, iaitu keluarga yang mempunyai hubungan rapat sesama mereka dan boleh mendapatkan pertolongan daripada saudara mara bila diperlukan (Lyndon, Wei, & Abdul Rahim, 2014). Manakala Dollah (2007) menyatakan saling ketergantungan dalam keluarga merupakan tabiat Cina Kelantan di mana mereka saling tolong-menolong dan hormat-menghormati antara satu sama lain dan hubungan mereka akrab. Maka tidak hairanlah responden mempunyai keakraban yang kuat dan perhubungan mereka kerap dengan ahli keluarga sebelum memeluk Islam. Walaupun begitu hubungan dengan suami atau isteri sebelum memeluk agama Islam lagi sudah menunjukkan mereka tidak akrab. Faktor ini disebabkan oleh keinginan responden untuk memeluk agama Islam yang menyebabkan mereka perlu berpisah dengan suami atau isteri jika tidak turut memeluk agama Islam. Menurut Abdullah dan Abdullah (2004) Cina yang memeluk agama Islam terpaksa menceraikan isteri atau berpisah dengan suami yang belum memeluk agama Islam.

Jadual 1: Pemilikan dan kekerapan berhubung dalam modal sosial ikatan :
sebelum dan selepas memeluk Islam (N=75)

Modal Sosial Ikatan	Sebelum memeluk Islam		Selepas memeluk Islam	
	*Min Keakraban	**Min Kekerapan Berhubung	Min Keakraban	Min Kekerapan Berhubung
Ayah	3.9	3.9	2.7	2.8
Ibu	4.0	4.0	3.2	3.2
Adik Beradik	4.0	4.0	3.3	3.4
Suami/Isteri	1.5	2.3	3.7	3.8
Saudara Mara	3.9	3.5	3.3	3.1
Min keseluruhan	3.5	3.5	3.3	3.2

*Nota: Purata Skor berasaskan skala

- | | |
|--------------------|-----------------------|
| 0: Tidak berkenaan | 1: Sangat tidak akrab |
| 2: Tidak akrab | 3: Sederhana |
| 4: Akrab | 5: Sangat Akrab |

**Nota: Purata Skor berasaskan skala

- | | |
|------------------|-----------|
| 1: Tidak Pernah | 2: Jarang |
| 3: Kadang-kadang | 4: Kerap |
| 5: Selalu | |

Hasil kajian pemilikan modal sosial ikatan selepas responden memeluk agama Islam pula menunjukkan keakraban pada skala sederhana (3.2). Modal sosial ikatan yang sederhana akrab selepas responden memeluk agama Islam ialah saudara mara (3.3), adik-beradik (3.3), ibu (3.2) dan ayah (2.7). Sungguhpun begitu, terdapat modal sosial ikatan yang akrab selepas responden memeluk Islam iaitu suami atau isteri yang baru (3.7). Manakala berkenaan dengan kekerapan berhubung selepas memeluk Islam, menunjukkan purata skor pada skala kadang-kadang (3.2). Secara terperinci, responden kadang-kadang berhubung dengan adik-beradik (3.4), ibu (3.2), saudara mara (3.1) dan ayah (2.8). Manakala dengan suami atau isteri, responden selalu (3.8) berhubung. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penukaran agama responden kepada Islam telah menyebabkan pemilikan modal sosial ikatan mereka menjadi sederhana. Selanjutnya

kadang-kadang sahaja mereka berhubung. Pemilikan modal sosial yang sederhana juga dimanifestasikan oleh informan yang menjelaskan *“Tiada persefahaman, agama berbeza susah untuk rapat. Tapi tetap mak ayah kita” (Informan 1)*.

Informan 1 menyatakan bahawa keakraban dengan keluarga berubah disebabkan tiadanya persefahaman antara mereka kerana agama yang berbeza. Selain itu, rata-rata informan juga menyatakan antara faktor pemilikan modal sosial yang sederhana selepas memeluk Islam ialah faktor Melayu Muslim termasuk isteri atau suami responden yang menjadi penghalang. Ini diwakili oleh kenyataan informan 2 yang menyatakan *“ada kawan nasihat bila balik...mak bagi air. Jangan minum takut bekas arak. Lepas 2 kita fikir baik tak payah balik. Buat mak kecil hati sahaja”*.

Kenyataan tersebut menjelaskan terdapat pandangan yang salah dalam konteks hubungan Cina Muslim dengan keluarga. Hal ini menjadikan pemilikan modal sosial ikatan menjadi tidak akrab dan berlarutan apabila responden mengambil keputusan untuk tidak pulang lagi ke rumah. Kesimpulannya pemilikan modal sosial ikatan responden adalah sederhana dan kekerapan responden berhubung dengan modal sosial ikatan kadang-kadang sahaja. Hasil ini menjelaskan berlaku perubahan dalam pemilikan modal sosial ikatan responden. Di mana perasaan kekitaan dan rasa sebahagian daripada modal sosial ikatan tidak lagi dimiliki sepenuhnya oleh responden setelah memeluk agama Islam. Ini menunjukkan bahawa dengan memeluk agama Islam, telah membezakan nilai dalam modal sosial ikatan. Pengislaman merupakan satu nilai yang baru yang telah menjejaskan ciri homogen antara responden dengan modal sosial ikatan, begitu juga pergantungan antara ahli keluarga. Ini selari dengan Jennings (1967) yang menyatakan nilai yang berbeza menyebabkan kejeleketan antara ahli komuniti menjadi lemah. Manakala Rafic (1994) menegaskan penukaran agama telah mengubah penganutnya untuk menurut aturan hidup yang sangat berbeza dengan kehidupan asal yang mempengaruhi personaliti dan sosial dan seluruh aspek kehidupan mereka. Selain perbezaan agama, komuniti Melayu Muslim turut menyumbang kepada rendahnya pemilikan modal sosial ikatan selepas memeluk Islam dengan memberikan pandangan-pandangan yang salah mengenai hubungan antara responden dengan modal sosial ikatan yang tidak beragama Islam.

Selain itu, pemilikan modal sosial yang berubah menjadi sederhana tidak selari dengan kajian-kajian lain yang menyatakan bahawa Cina Muslim dipulau oleh keluarga, disindir oleh keluarga, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putus hubungan kekeluargaan selepas mereka memeluk Islam (Abdullah & Abdullah, 2004; Abdullah & Muhamad Shukri, 2008; Abdullah & Md Sham, 2009; Sintang et al., 2013; Guleng et al., 2014). Hal ini kerana rata-rata informan menyatakan bahawa konflik bukanlah faktor yang menjejaskan pemilikan modal sosial sebaliknya perbezaan agama telah menyebabkan responden kurang akrab dengan keluarga. Ini diwakili oleh kenyataan informan 3 yang menyatakan:

Keluarga tiada masalah...tapi kalau pengetahuan keluarga tentang Islam kurang. Dia akan kata anak dia tidak mahu ikut keluarga. Tetapi Cina Kelantan ni berapa kerat sahaja ada masalah menentang anak memeluk Islam. Cina luar saya tidak tahu

Informan 3 menjelaskan bahawa keluarga Cina Muslim Kelantan tidak mempunyai konflik disebabkan anak memeluk agama Islam, beliau menyatakan bahawa konflik yang menyebabkan berlaku penentangan apabila ahli keluarga memeluk agama Islam ialah kerana kurangnya kefahaman terhadap agama Islam dan jumlahnya sedikit dalam kalangan Cina Kelantan.

Kesimpulannya pemilikan modal sosial ikatan responden sebelum memeluk Islam menunjukkan responden akrab dan selepas memeluk Islam berubah menjadi sederhana. Manakala perbezaan tersebut bukan disebabkan oleh konflik hubungan tetapi agama telah dijadikan sempadan oleh individu Cina Muslim dengan modal sosial ikatan mereka dan disebabkan oleh pandangan yang salah tentang hubungan responden dengan modal sosial ikatan daripada sesetengah Melayu Muslim dengan kata lain pengislaman telah menyebabkan berlaku konflik dalam diri responden itu sendiri.

4.2 Perbezaan Pemilikan Modal Sosial Ikatan Sebelum dan Selepas Memeluk Islam, Tempoh Memeluk Islam Sebagai Variabel Kawalan.

Jadual 2 merupakan keputusan ANCOVA berkaitan perbezaan pemilikan modal sosial ikatan sebelum dan selepas responden memeluk Islam dan tempoh memeluk Islam menjadi variabel kawalan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pemilikan modal sosial ikatan responden sebelum dan selepas memeluk Islam ($F= 15.376, p = 0.00$). Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemilikan modal sosial ikatan selepas memeluk Islam berdasarkan tempoh memeluk Islam ($F=0.593, p= 0.798$). Realiti ini juga dikongsi oleh informan yang diwakili oleh informan 4 yang menyatakan:

Ada. Ada yang balik rasa payah nak makan. Tidak belajar la ni. Islam ni dia tidak ada had sangat. Kadang-kadang kita buat hukum sendiri...dia buat halangan...kadang-kadang isteri...tak payah la abang. Dia (keluarga) masukkan apa tahu dalam gelas....suami tahu sebenarnya. Tapi kalau suami tidak pandai terangkan pada isteri susah la...kes macam ini suami dan isteri bergaduh pula. Lepas tu sampai bila-bila macam tu la.

Informan 4 mengaitkan Cina Muslim yang tidak belajar tentang hubungan dengan keluarga bukan Muslim dan keluarga Melayu Muslim yang menghalang mereka rapat akan terjadi sampai bila-bila selagi Cina Muslim tersebut tidak belajar agama Islam yang sebenar. Beliau juga menyatakan bahawa halangan tersebut dibina sendiri oleh responden dengan mencipta hukum sendiri berkaitan hubungan dengan modal sosial ikatan yang tidak beragama Islam. Ini menunjukkan bahawa memang terdapat perbezaan pemilikan keakraban sebelum dan selepas Islam dan perkara tersebut tidak berkait dengan tempoh seseorang memeluk Islam tetapi faktor sama ada individu Cina Muslim tersebut belajar atau tidak belajar tentang agama Islam yang sebenar.

Jadual 2: Perbezaan pemilikan modal sosial ikatan sebelum dan selepas Islam berasaskan tahun memeluk Islam

Sumber	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan (df)	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Corrected Model	9.704 ^a	10	.970	2.705	.008
Intercept	14.032	1	14.032	39.111	.000
Modal Sosial Ikatan	5.517	1	5.517	15.376	.000
Tahun Memeluk Islam	1.914	9	.213	.593	.798
Ralat	22.962	64	.359		
Jumlah	441.000	75			
Corrected Total	32.667	74			

a. R Squared = .297 (Adjusted R Squared = .187)

Dapat disimpulkan bahawa pemilikan modal sosial ikatan berbeza antara sebelum dan selepas memeluk Islam. Manakala perbezaan tersebut tidak dipengaruhi oleh faktor masa, sama ada baru memeluk Islam atau telah lama memeluk Islam. Hasil ini membuktikan perbezaan agama dan halangan daripada keluarga Melayu Muslim merupakan faktor kepada lemahnya modal sosial ikatan dalam kalangan responden. Perbezaan nilai dan halangan tersebut telah merapuhkan pemilikan modal sosial ikatan. Hal ini selari dengan Amir Zal (2016) yang menyatakan bahawa pemilikan modal sosial ikatan boleh terancam sekiranya kerapuhan modal sosial ikatan tinggi. Selain itu, perbezaan agama dalam kalangan responden tidak menyebabkan pemilikan modal sosial ikatan berubah disebabkan oleh faktor tempoh responden itu memeluk Islam. Ini menunjukkan pemilikan modal sosial ikatan adalah berterusan dan ini tidak selari dengan pandangan yang menyatakan ahli keluarga Cina menerima pengislaman Cina Muslim setelah melalui beberapa tempoh masa yang tertentu (Abdullah, 1997; Ismail & Wan Ahmad, 2009). Hasil ini juga menjelaskan bahawa penerimaan perbezaan agama tidak menjadikan pemilikan modal sosial ikatan kembali kuat selepas jangka masa yang tertentu dan ini disebabkan Cina Muslim kurang memahami ajaran Islam yang sebenar dalam konteks hubungan dengan keluarga bukan Islam.

5.0 KESIMPULAN

Pemilikan modal sosial ikatan responden menunjukkan mereka akrab sebelum memeluk agama Islam dan menjadi sederhana selepas memeluk agama Islam. Begitu juga dengan kekerapan berhubung yang mana kerap sebelum memeluk agama Islam menjadi kadang-kadang sahaja selepas mereka memeluk Islam. Dari aspek perbezaan pula, menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pemilikan modal sosial ikatan antara sebelum dan selepas memeluk agama Islam. Perbezaan tersebut tidak dipengaruhi oleh tempoh mereka memeluk agama Islam. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa pengislaman responden telah menyebabkan sempadan dibina dengan membentuk nilai-nilai baru yang tidak lagi sama dengan modal sosial ikatan sehingga berlaku perubahan dalam modal sosial ikatan dan boleh mengancam kepada kerapuhan modal sosial ikatan. Perubahan pemilikan modal sosial ikatan memberi implikasi yang negatif terhadap responden. Antara implikasinya responden hilang sokongan sosial dalam komunitinya sendiri begitu juga sokongan ekonomi dan dikhuatiri putusanya hubungan kekeluargaan antara responden dengan modal sosial ikatan. Secara tidak langsung ia juga memberikan pandangan yang negatif keluarga yang bukan Islam terhadap agama Islam dan komuniti Muslim. Oleh itu, komuniti Cina Muslim perlu diperbaiki dengan meningkatkan lagi perhubungan dan interaksi dengan modal sosial ikatan. Komuniti Cina Muslim juga perlu tahu bahawa agama Islam yang mereka anuti sangat menekankan hubungan yang baik dengan keluarga asal yang bukan beragama Islam. Selain itu, terdapat juga kaedah-kaedah fiqh tertentu yang perlu difahami oleh komuniti Cina Muslim untuk memudahkan mereka berhubung dengan keluarga yang bukan beragama Islam. Melalui usaha ini, komuniti Cina Muslim mampu meletakkan kembali posisi mereka sebagai sebahagian daripada modal sosial ikatan secara inklusif walaupun sudah berbeza dalam aspek agama dan nilai.

RUJUKAN

- Abdullah, M.S.Y. & Abdullah, O. (2004). The problems of mu'allaf in Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 24(1), 65-84.
- Abdullah, N.C. (2005). *Kisah saya saudara baru*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.

- Abdullah, O. (2005). *Preaching to the non-Muslim Chinese in Malaysia*. Gombak: Research Centre IIUM.
- Abdullah, O. (1997). *Interaction and integration of Chinese Muslims with their Malay counterparts in Selangor*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.
- Abdullah, O. & Muhamad Shukri, A.S. (2008). *Muslim converts in Malaysia: The problem of cultural adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.
- Abdullah, T. & Md Sham, F. (2009). Keperluan memahami psikologi saudara Muslim. *Jurnal Hadhari*, 2(1), 83-97.
- Agnitsch, K., Flora, J., & Ryan, V. (2006). Bonding and bridging social capital: The interactive effects on community action. *Journal of Community Development*, 37(1), 36-51.
- Amir Zal, W.A. (2014). *Pembangunan kapasiti nelayan Kuala Terengganu utara berasaskan modal sosial dan ekonomi*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Amir Zal, W.A. (2016). *Barah sosial dalam komuniti*. Kuala Terengganu: Penerbit Uniersiti Malaysia Terengganu.
- Bourdieu, P. & Wacquant, L. (1992). *An invitation to reflexive sociology*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Bowen, G.A. (2009). Social capital, social funds and poor communities: As exploratory analysis. *Social Policy & Administration*, 43(3), 245-269.
- Che Ku Abdul Satar, C.K.S. (2004). *Hubungan kekeluargaan saudara kita*. (Tesis sarjana muda tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Creswell, J.W. & Clark, V.P. (2006). *Designing and conducting mixed methods research*. USA: SAGE Publications.
- Dale, A. & Sparkes, J. (2008). Protecting ecosystem: Network structure and social capital mobilization. *Community Development Journal*, 43(2), 143-156.
- Dollah, H. (2007). *Kampung Cina bekelam. Dalam warisan Kelantan xxi. Monograf perbadanan Muzium Negeri Kelantan*. Kuala Lumpur: United Press Sdn. Bhd.
- Fukuyama, F. (2002). Social capital and development: The coming agenda. *SAIS Review*, 22(1), 23-37.
- Gittell, R. & Vidal, A. (1998). *Community organizing: Building social capital as a development strategy*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Grant, E. (2001). Social capital and community strategies: Neighbourhood development in Guatemala City. *Development and Change*, 32(1), 975-997.
- Guleng, M.P., Muhamat, R., & Mohamad, A.D. (2014). Penyesuaian diri mualaf terhadap masyarakat dalam kalangan pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *Jurnal Al-Hikmah*, 6(1), 73-88.
- Hofer, M. & Aubert, V. (2013). Perceived bridging and bonding social capital on Twitter: Differentiating between followers and followees. *Computers in Human Behavior*, 29(1), 2134-2142.

- Ismail, Z. & Wan Ahmad, W.I. (2009). Populasi Cina di Malaysia: Kepelbagaian agama dan penerimaan ke atas Cina Muslim. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/jalhikmah/article/view/50>
- Joy, L.Y.Y. (2005). *Religious conversion and reconstruction of identities: The case of Chinese Muslim converts in Malaysia*. (Unpublished master thesis). National University of Singapore.
- Kasimin, A. (1985). *Saudara baru Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*. Bangi: Penerbit UKM.
- Krasny, M.E., Kalbacker, L., Stedman R.C., & Russ. A. (2015). Measuring social capital among youth: Applications in environmental education. *Environmental Education Research*, 21(1), 1-23.
- Lyndon, N., Wei, L.J., & Abdul Rahim, M.H. (2014). Jenis jaringan sosial komuniti Cina dalam pemasaran hasil pertanian. *E-Bangi*, 9(1), 144-157.
- McMillan, J.H. (2012). *Educational research: Fundamentals for the consumer (6th Edition)*. Bonston: Pearson.
- Mladovsky, P. & Mossialos, E. (2008). A conceptual framework for community-based health insurance in low income countries: Social capital and economic development. *World Development*, 36(4), 590-607.
- Payne, P.R. (2006). *Youth violence prevention through asset-based community development*. New York: LFB Scholarly Publishing LLC.
- Perkins, D.D., Hughey, J., & Speer, P.W. (2002). Community psychology perspectives on social capital theory and community development practice. *Community Development*, 33(1), 33-52.
- Philips, R. & Pittman, R.H. (2009). A review of 'An introduction to community development'. *Journal of the American Planning Association*, 76(4), 517-518.
- Putnam, R.D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. New York: Simon & Schuster.
- Schmid, A.A. (2000). Affinity as social capital. *Journal of Socio-Economics*, 29(1), 159-171.
- Sintang, S., Hambali, K.M., Baharuddin, A., Senin, N., Shaharud-din, S., Wan Yon, W.A., Malek, B., Ahmad, M., & Mohd Nor, M.R. (2013). The dialogue of hikma: Generating harmony in Muslim – non-Muslim relations. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 24(2), 213-224.
- Vyncke, V., Peersman, W., Maeseneer, J.D. & Willems, S. (2012). Measuring the immeasurable? Operationilising social capital in health research. *Health*, 4(9), 555-556.
- Williams, D. (2006). On and off the net: Scales for social capital in an online era. *Journal of Computer Mediated Communication*, 11(2), 593-628.
- Woolcock, M. (2002). *Social capital in theory and practice: Where do we stand?* United Kigdom: Edward Elgar Publisihing Limited.